

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari 2003

JKE 101 – Pengantar Ekonomi

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA PULUH TUJUH muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan. Pilih jawapan yang terbaik sahaja untuk soalan-soalan yang ditanyakan.

Soalan-soalan hendaklah dijawab pada kertas jawapan OMR yang disediakan. Anda dinasihati supaya menghitamkan hanya SATU jawapan bagi setiap soalan. Pastikan jawapan yang anda pilih sebelum menghitamkan ruang yang berkenaan.

Isikan semua maklumat yang dikehendaki dengan lengkap dan betul pada kertas jawapan OMR anda.

SERAHKAN KESELURUHAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAANINI BERSAMA-SAMA KERTAS JAWAPAN OMR ANDA KEPADA KETUA PENGAWAS. Calon yang tidak menyerahkan keseluruhan kertas soalan ini akan diberikan markah “0”.


Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

KETUA PENGAWAS: Sila pungut;

- (a) Borang OMR
- (b) KESELURUHAN kertas soalan ini (tanpa diceraikan mana-mana muka surat).


Jawab SEMUA soalan.

1. Semua persoalan ekonomi dan aktiviti ekonomi berpunca daripada masalah:
 - A. kemanusiaan.
 - B. persaingan.
 - C. perdagangan.
 - D. kelangkaan.
 - E. harga barang.
2. Kos melepas kepada sesuatu tindakan ekonomi yang kita ambil ialah:
 - i. kos eksplisit dan kos implisit akibat tidakan itu.
 - ii. alternatif terbaik yang kita korbankan
 - iii. masa yang diperlukan tetapi bukan kos kewangan.
 - iv. kos kewangan tetapi bukan masa yang digunakan.
 - v. kesemua alternatif yang kita korbankan.
 - A. i dan ii sahaja.
 - B. ii dan iii sahaja.
 - C. iv dan v sahaja.
 - D. ii, iii dan iv sahaja.
 - E. i, ii, iii, iv dan v.
3. Istilah yang manakah antara berikut yang dimaksudkan oleh ahli-ahli ekonomi apabila mereka menyebut perkataan kos?
 - A. kos perakaunan.
 - B. kos implisit.
 - C. kos ketara.
 - D. kos sut.
 - E. kos melepas.
4. Rangkai kata “apa yang sebenarnya berlaku” dan “apa yang seharusnya berlaku” merujuk kepada perbezaan antara konsep:
 - A. mikroekonomi dan makroekonomi.
 - B. kos melepas dan kos tersirat.
 - C. ekonomi positif dan ekonomi normatif.
 - D. ekonomi kapitalis dan ekonomi sosialis.
 - E. ekonomi Islam dan ekonomi konvensional.
5. Cabang ilmu ekonomi yang mengkaji ekonomi pada keseluruhannya dikenali sebagai:
 - A. ekonomi terbuka.
 - B. mikroekonomi.
 - C. ekonomi positif.
 - D. ekonomi normatif.
 - E. makroekonomi

Rajah 1


6. Rajah 1 mewakili keluk kemungkinan pengeluaran negara Darul Teknol. Yang manakah antara berikut memungkinkan KKP negara tersebut berganjak dari AB ke CD ?
- Bertambahnya pakar pertanian di negara tersebut.
 - Kemasukan pelaburan asing.
 - Teknik menanam padi cara baru ditemui.
 - Harga komputer lebih murah.
 - Pertambahan pakar membuat komputer mengatasi pertambahan pakar pertanian.
7. Model ekonomi mempunyai dua komponen, khususnya:
- fakta dan nilai.
 - persamaan dan ketaksamaan.
 - andaian dan implikasi.
 - kos melepas dan kos tetap.
 - input dan output.
8. Malaysia dikatakan mengamalkan sistem ekonomi campuran kerana:
- kita mengimport serta mengeksport barang ke negara lalin.
 - masyarakat kita bercampur antara yang kaya dan yang miskin.
 - dalam negara kita terdapat sektor firma dan sektor kerajaan.
 - kita mengamalkan ekonomi pasaran dan terdapat juga unsur-unsur ekonomi kawalan pusat.
 - sektor ekonomi kita adalah campuran antara sektor firma dan isi rumah.

Soalan 9 hingga 10 merujuk kepada Rajah 2.



9. Dalam Rajah 2, jika harga ditetapkan pada AA:
- ia akan bertindak sebagai harga bumbung.
 - ia akan menjamin supaya harga tidak naik terlalu tinggi.
 - ia akan bertindak sebagai harga lantai.
 - ia akan menghalang harga daripada jatuh terlalu rendah.
 - ia mencegah pembeli daripada mengenakan harga keseimbangan pasaran.
- A. i, ii dan iii sahaja.
B. ii, iii dan iv sahaja.
C. iii, iv dan v sahaja.
D. i, iii dan iv sahaja.
E. ii, iv dan v sahaja.
10. Pasaran tersebut paling baik menggambarkan:
- pasaran kereta mewah yang dikawal supaya harganya tidak terlalu tinggi untuk dibeli oleh masyarakat tempatan.
 - pasaran beras untuk mengelakkan petani di eksplotasi oleh orang tengah.
 - pasaran barang keperluan dengan tujuan untuk melindungi pengguna daripada membayar harga terlalu tinggi untuk barang-barang ini.
 - pasaran durian tempatan yang dilindungi supaya dapat bersaing dengan durian yang diimport dari negara Thai.
 - pasaran barang import supaya dapat dibeli dengan murah.

Soalan 11 dan 12 merujuk kepada Rajah 3 yang mewakili satu sistem ekonomi.




Rajah 3

11. Bulatan yang merangkumi lima sektor ekonomi itu mewakili:
- satu sistem ekonomi yang dibatasi dengan sumber K, L, T, E, M dalamannya.
 - sektor isi rumah, firma swasta dan awam, dan kerajaan adalah sumber kuasa beli yang penting dalam sesbuah ekonomi kerana keupayaan pembuat dasar mengawal secara dalaman.
 - sektor 5 melibatkan sektor luar negeri yang terdiri daripada import dan eksport.
 - sektor 4 adalah sektor pelengkap yang melibatkan sektor wang, sistem bank, serta dasar-dasar kuantiti wang dan kadar bunga pasaran wang.
- A. i, ii, dan iii sahaja.
B. ii dan iii sahaja.
C. ii, iii dan iv sahaja.
D. i dan iv sahaja.
E. i, iii dan iv sahaja.
12. Bulatan dalam Rajah 3 itu berkaitan dengan pernyataan-pernyataan berikut:
- Ia suatu model sistem ekonomi.
 - Peranan sektor-sektor utamanya berbeza-beza mengikut keadaan.
 - Sistem ekonomi itu melaksanakan tiga kegiatan asas ekonomi dan mempunyai lima fungsi utama, dengan enam sumber yang utama.
 - Sektor 5 memberatkan soal eksport, import dan mata wang asing, manakala sektor 4 mementingkan aspek-aspek kawalan kadar bunga pasaran wang, penawaran wang dan permintaan wang.
- A. i, ii dan iv sahaja.
B. ii, iii dan iv sahaja.
C. i, iii dan iv sahaja.
D. i, dan iv sahaja.
E. i, ii, iii dan iv.

13. Barang-barang yang mempunyai keanjalan permintaan pendapatan yang negatif dikenali sebagai:
- barang normal.
 - barang mewah.
 - barang bawahan.
 - barang pertengahan.
 - barang pengganti
14. Kenaikan harga Colgate sebanyak 10 peratus menambahkan kuantiti diminta untuk Darlie sebanyak 50 peratus. Justeru, keanjalan permintaan silang antara Colgate dengan Darlie adalah:
- 50.
 - 10.
 - 5.
 - 0.5
 - 0.05
15. Kenaikan harga sesuatu barang akan meningkatkan jumlah hasil daripada barang tersebut jika:
- keanjalan permintaan pendapatannya melebihi satu.
 - barang itu merupakan barang bawahan.
 - permintaan untuk barang tersebut anjal.
 - permintaan untuk barang tersebut tak anjal.
 - barang itu merupakan barang normal.
16. Jika harga buruh ialah kadar upah, yang manakah antara yang berikut benar jika kadar upah jatuh?
- Kuantiti buruh diminta akan berkurangan.
 - Kuantiti buruh diminta akan bertambah.
 - Permintaan buruh tidak berubah.
 - Penawaran buruh akan bertambah.
 - Permintaan buruh akan berkurangan.
17. Harga bumbung yang ditetapkan lebih tinggi daripada harga keseimbangan pasaran akan:
- membataskan kuantiti diminta bukan kuantiti ditawarkan.
 - membataskan kuantiti ditawarkan bukan kuantiti diminta.
 - membataskan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan.
 - menyebabkan kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan.
 - tiada sebarang kesan ke atas harga keseimbangan.

Soalan 18 hingga 20 merujuk kepada Rajah 4 (a) dan Rajah 4(b). Rajah tersebut menunjukkan permintaan dan penawaran sesuatu barang tertentu.




18. Kemelesetan ekonomi berlaku, ramai pekerja hilang pekerjaan.
- Ia digambarkan oleh pergerakan antara titik A ke B dalam Rajah 4(a).
 - Keseluruhan keluk D_1D_1 berganjak ke kiri.
 - Kemelesetan ekonomi tidak menjelaskan kedudukan keluk D_1D_1 .
 - Keseluruhan keluk D_1D_1 berganjak ke kanan.
 - Kemelesetan ekonomi akan menimpa pekerja kilang sahaja.
19. Keluk permintaan D_2D_2 mempunyai ciri-ciri seperti berikut.
- Keluk permintaan itu anjal sempurna.
 - Cerun keluk permintaan itu sifar.
 - Ia boleh menggambarkan keluk permintaan firma dalam pasaran persaingan sempurna.
 - Firma yang menghadapi keluk permintaan seperti D_2D_2 tidak dapat mengawal harga.
 - Hanya firma dalam persaingan tak sempurna sahaja mempunyai keluk permintaan seperti ini.
- i, ii, dan iii sahaja.
 - ii, iii dan iv sahaja.
 - i, ii, iii dan iv sahaja.
 - iii, iv dan v sahaja.
 - i, ii, iii, iv dan v.
20. Jika S_1S_1 dalam Rajah 4(b), memotong paksi rajah pada titik sifarnya, keluk penawaran itu dikatakan:
- anjal.
 - tak anjal.
 - anjal satu.
 - anjal sempurna.
 - tak anjal sempurna.

21. Yang manakah antara berikut boleh menganjakkan garisan belanjawan pengguna?
- pertambahan tingkat perbelanjaan pengguna.
 - perubahan tingkat harga kesemua barang yang dibeli oleh pengguna.
 - pendapatan pengguna telah bertambah.
 - perubahan cita rasa pengguna.
- i dan ii sahaja.
 - ii dan iv sahaja.
 - ii, iii dan iv sahaja.
 - i, ii dan iii sahaja
 - i, ii, iii dan iv.
22. Ihsan mengguna roti canai dan apom balik. Jika dia menambahkan penggunaan apom baliknya:
- utiliti sutnya daripada roti canai akan bertambah.
 - utiliti sutnya daripada apom balik akan bertambah.
 - utiliti sutnya daripada apom balik akan berkurangan.
 - utiliti sutnya daripada roti canai akan berkurangan.
 - utiliti sutnya daripada roti canai dan apom balik akan berkurangan.
23. Katalah $MU_a = \text{utiliti sut daripada apom balik}$ dan $MU_c = \text{utiliti sut roti canai}$, dan $P_a = \text{harga apom balik}$, $P_c = \text{harga roti canai}$. Syarat perlu bagi keseimbangan Ihsan ialah:
- $MU_a = MU_c$
 - $MU_a = MU_c \text{ dan } P_a = P_c$
 - $MU_a/P_a = MU_c/P_c$
 - $MU_a/MU_c = P_c/P_a$
 - $MU_a/P_c = MU_c/P_a$
24. Di antara pernyataan berikut, yang manakah BENAR tentang keluk puas sama?
- Keluk puas sama boleh bersilang antara satu dengan lain.
 - Kadar penggantian sut antara dua barang ditunjukkan oleh cerun keluk puas sama itu.
 - Semakin jauh keluk puas sama itu daripada titik asalannya, semakin tinggi tingkat kepuasan individu itu.
 - Keluk puas sama juga dikenali sebagai keluk isokos.
- i, ii, dan iii sahaja.
 - i, iii dan iv sahaja.
 - i, ii, iii dan iv.
 - ii dan iii sahaja.
 - ii, iii dan iv sahaja

25. Yang manakah antara berikut BUKAN andaian teori utiliti sut?
- A. Pengguna menikmati utiliti daripada penggunaan barang.
 - B. Setiap tambahan unit penggunaan akan menambah kepada utiliti.
 - C. Apabila kuantiti sesuatu barang yang digunakan itu bertambah utiliti sut akan berkurangan.
 - D. Utiliti akan mencapai tahap maksimum apabila utiliti per ringgit yang dibelanjakan ke atas kesemua barang adalah sama.
 - E. Pengguna boleh meningkatkan utiliti sut daripada sesuatu barang itu dengan mengurangkan kuantiti penggunaan barang tersebut.
26. Jangka masa pendek merujuk kepada tempoh masa yang:
- A. penggunaan sekurang-kurangnya satu faktor adalah tetap.
 - B. firma itu tidak dapat mengubah penggunaan semua faktornya.
 - C. jumlah output yang dikeluarkan itu tetap.
 - D. upah dan harga adalah tetap.
 - E. semua kos merupakan kos tetap sahaja.
27. Keluk jumlah keluaran ialah satu keluk yang menunjukkan:
- A. kos minimum bagi mengeluarkan sejumlah output tertentu menggunakan pelbagai teknik pengeluaran.
 - B. output maksimum yang boleh dikeluarkan daripada sesuatu kuantiti input berubah yang digunakan.
 - C. keuntungan maksimum yang boleh diperolehi daripada setiap output yang dijual.
 - D. output minimum yang boleh dikeluarkan daripada setiap kuantiti input berubah yang digunakan.
 - E. faktor berubah dan output purata yang dikeluarkan.
28. Keluaran purata buruh ialah:
- A. songsangan kepada keluaran purata modal.
 - B. cerun keluk yang menunjukkan keluaran sut buruh.
 - C. kuantiti buruh dibahagikan dengan kuantiti output yang dikeluarkan.
 - D. cerun keluk yang menunjukkan jumlah keluaran buruh.
 - E. jumlah keluaran dibahagikan dengan jumlah buruh.
29. Tingkat optimum penggunaan input ialah apabila berlaku keadaan berikut.
- A. keluaran hasil sut lebih tinggi daripada harga input.
 - B. keluaran hasil sut lebih rendah daripada harga input.
 - C. harga input sama dengan harga keluaran di pasaran.
 - D. harga input sama dengan keluaran hasil sut input yang mengeluarkannya.
 - E. harga input lebih rendah daripada harga keluaran.

30. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep "jangka panjang" dalam teori pengeluaran?
- A. Semua input merupakan input tetap sahaja.
 - B. Tempoh yang firma boleh mengubah semua input yang digunakan.
 - C. Jangka masa yang lebih daripada setahun dengan semua inputnya berubah.
 - D. Jangka masa yang lebih daripada lima tahun.
 - E. Sekurang-kurangnya ada satu input tetap manakala input lain boleh berubah.
31. Semua kegiatan ekonomi itu produktif atau dianggap produktif, apabila:
- i. MPP bagi semua input adalah positif.
 - ii. $MPP_{x_1} = MPP_{x_2} = MPP_{x_N}$
 - iii. Nisbah output kepada input maksimum.
 - iv. Kegiatan ekonomi itu mampu menyumbangkan utiliti.
- A. i dan ii sahaja benar.
 - B. iv sahaja paling benar.
 - C. ii, iii dan iv sahaja benar.
 - D. iii dan iv sahaja benar.
 - E. i, ii, iii dan iv semuanya tidak benar.
32. Kedudukan optimum firma dari segi skel dan saiz adalah apabila berlaku:
- i. kos sut sama dengan hasil sut.
 - ii. kos sut sama dengan kos purata jangka pendek
 - iii. $SRAC = LRAC = SRMC = LRMC$
 - iv. Keluk kos purata jangka panjang dan jangka pendek bersentuh antara satu dengan lain pada titik minimum kedua-duanya.
- A. i dan ii sahaja benar.
 - B. iii sahaja benar.
 - C. i, ii dan iii sahaja benar.
 - D. iv sahaja benar.
 - E. i, ii, iii dan iv semuanya benar.
33. Pulangan ikut skel merujuk kepada:
- A. bagaimana output bertambah apabila semua input ditambah.
 - B. bagaimana input bertambah apabila semua output bertambah.
 - C. bagaimana kos bertambah apabila output bertambah.
 - D. satu sifat fungsi pengeluaran dalam jangka pendek.
 - E. bagaimana kos berkurangan apabila output ditambah.

Soalan 34 hingga 35 adalah berkaitan dengan Rajah 5.



Rajah 5

34. Daripada maklumat diberikan dalam Rajah 5, yang manakah antara berikut yang benar?
- keluk B ialah keluk kos berubah purata.
 - keluk A mewakili keluk jumlah kos.
 - keluk A merupakan perjumlahan menegak antara keluk CEF dan keluk A.
 - keluk B ialah keluk jumlah kos berubah.
 - kos tetap ialah keluk CEF.
- A. i, ii, iii, iv dan v.
 B. ii, iii, iv dan v sahaja.
 C. iii, iv dan v sahaja.
 D. iv dan v sahaja.
 E. i sahaja.
35. Jarak menegak di antara keluk A dan keluk B samalah dengan nilai:
- kos berubah purata.
 - kos jumlah purata..
 - jumlah kos tetap.
 - kos tetap purata.
 - jumlah kos berubah.
36. Dalam persaingan sempurna, hasil sut firma:
- sama dengan sifar.
 - positif tetapi lebih daripada sifar.
 - lebih rendah daripada hasil puratanya.
 - lebih tinggi daripada kos sutnya.
 - sama dengan hasil puratanya.

37. Pada tingkat output yang memaksimumkan keuntungan:

- i. hasil sut tolak kos sut sama dengan sifar.
- ii. hasil sut lebih besar daripada kos sut.
- iii. keluaran sut sama dengan sifar.
- iv. keuntungan sut sama dengan sifar.
- v. cerun keluk jumlah keuntungan sama dengan sifar

- A. i dan ii sahaja benar.
- B. i, iv dan v sahaja benar.
- C. ii sahaja benar.
- D. i, ii, iii dan iv sahaja benar.
- E. i, ii, iii, iv dan v semuanya tidak benar.

38. Jika hasil sut tidak sama dengan kos sut, keuntungan boleh dimaksimumkan dengan:

- i. menambahkan output jika $MR > MC$.
- ii. mengurangkan output jika $MC > MR$.
- iii. mengubah output sehingga cerun TC sama dengan cerun TR .
- iv. kurangkan output sehingga $MR = MC$.
- v. tambahkan MR sehingga $MR = MC$.

- A. i, ii, iii, iv dan v benar.
- B. i, ii, iii dan iv sahaja benar.
- C. i, ii dan iii sahaja benar.
- D. i dan ii sahaja benar.
- E. i dan v sahaja benar.

39. Jika firma yang memaksimumkan keuntungan itu mendapati $MC > MR$,


- A. keuntungan sut adalah positif.
- B. ia akan mengalami kerugian.
- C. firma itu patut menaikkan harga untuk menambahkan hasil sutnya.
- D. output hendaklah dikurangkan
- E. output hendaklah ditambah supaya MR meningkat.

40. Bagi firma dalam persaingan sempurna jumlah keuntungan firma ialah:

- i. $TR - TC$
- ii. keuntungan purata darab dengan jumlah output.
- iii. jumlah hasil tolak jumlah kos
- iv. $(AR - AC)Q$.
- v. $(MR)Q$

- A. i, ii, iii, iv dan v benar.
- B. i, ii, iii dan iv sahaja benar.
- C. i, ii dan iii sahaja benar.
- D. i dan ii sahaja benar.
- E. i sahaja benar .

Soalan 41 hingga 42 merujuk kepada Rajah 6 yang menunjukkan keluk kos dan keluk permintaan firma dalam pasaran monopolii.



Rajah 6

41. Jika A = keluk permintaan; D = keluk kos sut; dan C = keluk kos purata , yang manakah di antara berikut yang TIDAK benar?
- Kuantiti output yang optimum bagi firma ini ialah Q_1 .
 - Output pada Q_2 akan meminimumkan kos purata firma.
 - Firma ini akan mengalami kerugian jangka pendek jika output ialah Q_2 .
 - Firma menyamakan MR dengan MC -nya jika output ialah Q_2 .
 - Firma memaksimumkan keuntungan pada output Q_2 .
- A. i, ii dan iii sahaja.
B. iii sahaja.
C. i dan ii sahaja.
D. iv dan v sahaja sahaja.
E. i, iv dan v sahaja.
42. Jika firma ini mengeluarkan outputnya pada Q_3 , yang manakah antara langkah-langkah berikut harus diambilnya untuk memaksimumkan keuntungannya?
- A. menambahkan outputnya dari Q_3 ke Q_4 .
B. mengurangkan outputnya dari Q_3 ke Q_1 .
C. menambahkan outputnya dari Q_3 ke Q_5 .
D. mengekalkan outputnya pada Q_3 .
E. mengurangkan outputnya dari Q_3 ke Q_2 .
43. Keluk permintaan yang dihadapi oleh firma monopolii:
- A. berbentuk mendatar pada harga pasarannya.
B. samalah dengan keluk permintaan pasaran barang itu.
C. bercerun dua kali ganda keluk permintaan pasaran barang itu.
D. sentiasa berada di bawah keluk hasil sutnya.
E. merupakan satu titik di atas keluk permintaan pasaran barang itu.

44. Pernyataan bahawa sebuah monopoli itu boleh menentukan sama ada harganya atau tahap outputnya sahaja, dan bukan kedua-duanya serentak bererti pemonopoli itu:
- tidak dapat mengenal pasti keluk penawarannya.
 - tidak tahu kedudukan dan bentuk keluk permintaan pasarannya.
 - tertakluk kepada keluk permintaannya.
 - tidak mampu mengawal keuntungannya.
 - tidak mempunyai kuasa monopoli.
45. Bagi sebuah firma monopoli, hasil sutnya:
- negatif apabila permintaannya anjal dan negatif apabila permintaannya tak anjal.
 - negatif apabila permintaannya anjal dan positif apabila permintaannya tak anjal.
 - positif apabila permintaannya tak anjal dan negatif apabila permintaannya tak anjal.
 - positif apabila permintaannya anjal dan positif apabila permintaannya tak anjal.
 - terletak sama dengan keluk permintaannya.

Soalan 46 hingga 48 merujuk kepada Jadual 1 berikut:

Output dijual	Harga
5	RM25
6	RM25
7	RM25


Jadual 1

46. Jika firma ini menjual 7 unit outputnya, berapakah hasil sutnya?
- RM25.
 - RM50.
 - RM75.
 - RM150.
 - RM175
47. Jika firma ini menjual 6 unit outputnya, berapakah nilai hasil puratanya?
- RM175.
 - RM150.
 - RM75.
 - RM50.
 - RM25.

48. Jika firma ini beroperasi dalam pasaran persaingan sempurna berapakah nilai kos sutnya pada titik keseimbangan jangka panjangnya?

- A. Sama dengan kos berubah puratanya.
- B. Sama dengan hasil sutnya, hasil puratanya dan kos puratanya.
- C. Sama dengan kos tetapnya.
- D. Sama dengan kos purata tambah kos berubahnya.
- E. Sama dengan jumlah hasil tolak jumlah kos.


Soalan 49 dan 50 merujuk kepada Rajah 7 yang menunjukkan keluk kos firma dan pelbagai paras harga (*A* hingga *E*) dalam pasaran persaingan sempurna.



Rajah 7

49. Titik henti pengeluaran bagi firma ini terletak pada kombinasi:
- A. 1 dan *A*
 - B. 2 dan *B*
 - C. 3 dan *C*
 - D. 4 dan *D*
 - E. 5 dan *E*
50. Yang manakah antara berikut nasihat yang terbaik untuk firma yang beroperasi dengan titik kombinasi 3 dan *C*?
- A. Naikkan harga dan tambah pengeluaran output.
 - B. Hentikan sahaja pengeluaran kerana anda kerugian sekarang.
 - C. Teruskan pengeluaran walaupun rugi sehingga keadaan pasaran bertambah baik.
 - D. Kurangkan output sehingga ke titik *AVC* minimum.
 - E. Kurangkan output supaya harga dapat dinaikkan.

Soalan 51 hingga 55 ada kaitannya dengan Rajah 8 berikut:



Rajah 8

51. Proses pemasaran menepati perkara-perkara berikut.

- i. Ia proses yang berkait dengan fungsi pertukaran dalam sesebuah ekonomi.
 - ii. Ia melaksanaan kegiatan menggerakkan barang dan perkhidmatan dari titik pengeluaran pertama sehingga ke titik penggunaan terakhir.
 - iii. Pemasaran mewujudkan empat jenis utiliti.
 - iv. Pemasaran adalah produktif.
 - v. Pemasaran tidak memerlukan campur tangan kerajaan kerana harga sudah memadai untuk menyamakan penawaran dan permintaan pasaran.
- A. i, ii, iii, iv dan v semuanya benar.
 B. i, ii, iii dan iv sahaja benar.
 C. i, ii dan iii sahaja benar.
 D. ii, iii dan iv sahaja benar.
 E. i, iv dan v sahaja benar.

52. Antara sifat-sifat atau ciri-ciri firma pertandingan tulen adalah seperti berikut.

- i. Jumlah penjual dan pembeli yang amat ramai sehingga tidak terkira.
 - ii. Setiap peserta pasaran terlibat dengan kuantiti keluaran yang sedikit dan semua keluaran adalah serupa atau serba sama.
 - iii. Setiap firma boleh memberi jenama kepada output masing-masing, dan jenama itu berkesan ke atas penguasaan harga.
 - iv. Setiap firma adalah penerima harga dan bukan penentu harga.
 - v. Tiada sekatan keluar atau masuk ke dalam industri pertandingan tulen.
- A. i, ii dan iii sahaja benar.
 B. ii, iii dan iv sahaja benar.
 C. i, ii, iv dan v sahaja benar.
 D. i, ii, iii, iv dan v semuanya benar.
 E. i, ii, iii, iv dan v semuanya tidak benar.

53. Ada dua aspek yang membezakan pertandingan tulen daripada pertandingan sempurna. Antaranya ialah:

- i. semua firma bebas mengawal kepentingan masing-masing.
 - ii. keluaran yang dijual dalam pasaran adalah homogen.
 - iii. pesertanya ramai menepati kehendak sempurna.
 - iv. setiap peserta dianggap oleh kuasa pasaran sebagai sama kerana keluaran yang dijual adalah sama.
 - v. maklumat pasaran pantas dan sampai secara serentak dan tepat pada waktunya kepada semua peserta pasaran.
- A. i dan iii sahaja benar.
B. iii dan iv sahaja benar.
C. iii dan v sahaja benar.
D. ii dan v sahaja benar.
E. ii dan iv sahaja benar.

54. Apabila firma-firma oligopoli berpaktat secara kolektif dalam sulit, mereka boleh mengamalkan kawalan harga seperti monopolji. Di antara ciri-ciri firma oligopoli adalah:

- i. jumlah firma tidak banyak; malah boleh dikira dan dikenal pasti.
 - ii. tiap-tiap firma menguasai bahagian pasaran yang besar.
 - iii. tiap-tiap firma terpaksa bertindak balas apabila salah satu daripada mereka mengubah harga pasaran.
 - iv. tiap-tiap firma saling bergantung kepada tindak-tanduk pesaing yang lain di dalam pasaran.
 - v. terdapat unsur kepemimpinan harga oleh firma terbesar atau kecil.
- A. i, ii dan iii sahaja benar.
B. ii, iii, iv dan v sahaja benar.
C. iii, iv dan v sahaja benar.
D. i, ii, iii, iv dan v semuanya benar.
E. i, ii, iii, iv dan v semuanya tidak benar.

55. Di antara ciri-ciri monopolji adalah:

- i. industri mengandungi hanya satu firma penjual tunggal.
 - ii. firma boleh mengawal harga dan tidak boleh mengawal kuantiti.
 - iii. iklan hanyalah untuk tujuan makluman dan perhubungan awam.
 - iv. monopolji tidak disaingi oleh firma lain yang boleh menghasilkan dan memasarkan keluaran pengganti yang sempurna.
- A. i, ii dan iii sahaja benar.
B. ii, iii dan iv sahaja benar.
C. i, iii dan iv sahaja benar.
D. i, ii, iii dan iv semuanya benar.
E. i, ii, iii dan iv semuanya tidak benar.

56. Keluaran Dalam Negara Kasar mengukur:

- A. nilai pasar semua barang yang dikeluarkan di dalam sempadan ekonomi sesebuah negara.
- B. nilai pasar semua barang yang dikeluarkan di dalam sempadan ekonomi sesebuah negara setelah ditolak eksport.
- C. nilai pasar semua barang yang dikeluarkan di dalam sempadan ekonomi sesebuah negara setelah ditolak import.
- D. nilai pasar semua barang yang dikeluarkan di dalam sempadan ekonomi sesebuah negara setelah ditolak milik faktor asing.
- E. nilai pasar semua barang yang dikeluarkan di dalam sempadan ekonomi sesebuah negara tanpa mengira siapa pemiliknya.

57. Konsep yang terbaik untuk digunakan bagi mengukur perubahan taraf hidup pada amnya ialah:

- A. *KDNK* nominal semasa.
- B. *KDNK* per kapita nominal.
- C. *KDNK* benar.
- D. *KDNK* per kapita benar.
- E. *KDNK* nominal tolak *KDNK* benar.

58. Inflasi merujuk kepada:

- A. pertambahan stok wang.
- B. kenaikan harga perumahan.
- C. pertambahan nilai *KDNK*.
- D. kenaikan indeks harga pengguna.
- E. kenaikan berterusan tingkat harga purata.

59. Penggunaan harga tahun ini untuk menjumlahkan kesemua barang akhir yang dikeluarkan oleh ekonomi kita pada tahun ini akan menghasilkan:

- A. *KDNK* nominal semasa.
- B. *KDNK* harga tetap.
- C. *KDNK* tahun asas.
- D. *KDNK* benar semasa.
- E. *KDNK* benar.

60. *KDNK* benar dihitung dengan menilaikan output berdasarkan:

- A. harga pengilang.
- B. harga semasa.
- C. harga satu tahun yang dipilih sebagai tahun asas.
- D. kadar inflasi pada tahun sebelumnya.
- E. harga purata tahun lepas.


61. Yang manakah di antara berikut berkaitan dengan perbelanjaan pengguna, yang lazim diwakili oleh huruf C?
- i. seluruh permintaan terhadap semua barang dan perkhidmatan pengguna.
 - ii. berhubung secara langsung dengan pendapatan boleh guna.
 - iii. merupakan komponen terbesar dalam perbelanjaan agregat.
 - iv. jumlah perbelanjaan terhadap pembinaan rumah.
 - v. semua pembelian aset oleh isi rumah.
- A. i, ii, iii, iv dan v.
 - B. i, ii, iii, dan iv sahaja.
 - C. i, ii, dan iii sahaja.
 - D. i dan ii sahaja.
 - E. i sahaja.
62. Yang manakah di antara berikut TIDAK termasuk dalam permintaan agregat?
- A. perbelanjaan penggunaan
 - B. pendapatan negara
 - C. eksport bersih
 - D. perbelanjaan pelaburan
 - E. perbelanjaan autonomi
63. Perbelanjaan yang manakah di antara berikut dianggap sebagai pelaburan dalam perakaunan pendapatan negara?
- A. Syarikat pemaju perumahan membeli tanah untuk membina rumah.
 - B. Puan Ma Sak membeli ketuhar mikro untuk memasak makanannya.
 - C. Jack Zorros membeli saham BCBB di BSKL.
 - D. Syarikat pengangkutan Utara-Selatan membeli sebuah bas ekspres.
 - E. Semua perbelanjaan yang disenaraikan di atas.
64. Di dalam rajah aliran membulat, yang manakah di antara berikut merupakan bocoran kepada aliran membulat itu?
- i. cukai
 - ii. eksport
 - iii. tabungan
 - iv. import
 - v. bayaran pindahan
 - vi. perbelanjaan pelaburan
 - vii. perbelanjaan penggunaan
- A. ii, v, vi dan vii sahaja.
 - B. i, ii, iii dan iv sahaja.
 - C. i, iii, iv dan v sahaja.
 - D. i, iii dan iv sahaja.
 - E. i, iii, dan v sahaja.

65. Pendapatan boleh guna ditakrifkan sebagai:
- $KDNK$ bersih tolak bayaran pindahan tambah cukai.
 - $KDNK$ bersih tolak cukai tambah bayaran pindahan.
 - $KDNK$ bersih tolak cukai tolak bayaran pindahan.
 - $KDNK$ bersih tolak cukai tambah subsidi.
 - $KDNK$ bersih tolak subsidi tambah cukai.
66. Adakah pembelian aset kewangan dimasukkan dalam takrifan "pelaburan"?
- Ya, dimasukkan.
 - Tidak, melainkan aset kewangan itu membiayai modal yang baru.
 - Tidak, pembelian aset kewangan tidak dimasukkan sama sekali.
 - Ya, kecuali firma itu cuma menukar ganti hutang dengan ekuiti.
 - Tidak pasti, ia bergantung kepada siapa yang membeli aset kewangan itu.
67. Perbelanjaan pelaburan dalam perakaunan pendapatan negara merujuk kepada:
- pelaburan oleh firma perniagaan.
 - pembelian rumah baru oleh pengguna.
 - pelaburan dalam aset fizikal yang baru.
 - pembelian unit *ASB* dan *ASN* oleh isi rumah.
 - semua pembelian aset oleh isi rumah.
- i, ii, iii, iv dan v
 - i, ii, iii, dan iv sahaja.
 - i, ii, iii dan v sahaja.
 - i, ii dan iii sahaja.
 - i, iii dan v sahaja.
68. Permintaan agregat ialah hasil tambah:
- $C + I + G$.
 - $C + I + G - (X - M)$.
 - $C + I + G + (M - X)$.
 - $C + I + G + (X - M)$.
 - $C + I + G + (X + M)$.
69. Selisih di antara pendapatan negara dan pendapatan boleh guna samalah dengan:
- perbelanjaan ke atas perumahan baru.
 - perbelanjaan defisit kerajaan.
 - eksport bersih.
 - jumlah pelaburan kewangan.
 - jumlah cukai yang dibayar kepada kerajaan.

70. Yang manakah di antara berikut merupakan bocoran dan yang mana pula merupakan suntikan dalam rajah aliran membulat?

- i. cukai.
 - ii. eksport.
 - iii. import.
 - iv. tabungan.
 - v. pelaburan.
- A. i, ii, iii merupakan bocoran, iv dan v merupakan suntikan.
 B. i, iii dan iv merupakan bocoran, ii dan v merupakan suntikan.
 C. i, iii dan iv merupakan suntikan, ii dan v merupakan bocoran.
 D. ii, iii dan v merupakan suntikan, i dan iv merupakan bocoran.
 E. ii, iii dan v merupakan bocoran, i dan iv merupakan suntikan.
71. Perbelanjaan yang tidak bergantung kepada tingkat pendapatan dikenali sebagai:
- A. perbelanjaan terangsang.
 - B. perbelanjaan autonomi.
 - C. perbelanjaan automatik.
 - D. perbelanjaan kerajaan.
 - E. perbelanjaan isi rumah

Soalan 72 hingga 74 merujuk kepada Rajah 9.



72. Perbelanjaan autonomi pada AE_1 ialah:

- A. RM5 juta
- B. RM10 juta
- C. RM15 juta
- D. RM20 juta
- E. RM25 juta

73. Pengganda bagi ekonomi dalam Rajah 9 bernilai:
- A. 1.5
 - B. 2.0
 - C. 2.5
 - D. 3.0
 - E. 4.0
74. Jika AE , merupakan fungsi penggunaan, berapakah nilai MPC dalam ekonomi berkenaan?
- A. 0.15.
 - B. 0.20
 - C. 0.25.
 - D. 0.30.
 - E. 0.50.
75. Pada amnya, lebih landai keluk AE ,
- A. lebih besar nilai perbelanjaan autonomi.
 - B. lebih besar nilai kecenderungan mengguna sut.
 - C. lebih besar nilai pengganda.
 - D. lebih kecil nilai pengganda.
 - E. lebih kecil nilai pendapatan keseimbangan.
76. Wang mengantikan pertukaran secara barter melalui fungsinya sebagai:
- A. perantara pertukaran.
 - B. standard untuk pembayaran tertangguh.
 - C. penyimpan nilai.
 - D. unit akaun.
 - E. mata wang.
77. "Kecairan" sesuatu aset itu merujuk kepada:
- A. mudahnya harga aset itu berubah-ubah.
 - B. perkara yang sama dengan akaun semasa di bank.
 - C. mudahnya aset itu boleh ditukarkan menjadi perantara pertukaran.
 - D. cepat dan mudahnya wang boleh ditukarkan dengan aset lain.
 - E. boleh atau tidaknya kita membayar hutang dengan aset tersebut.
78. Akaun semasa anda di bank sebenarnya merupakan:
- A. satu liabiliti kepada anda.
 - B. aset kepada bank tersebut.
 - C. hutang anda kepada bank.
 - D. wang lebihan anda.
 - E. satu liabiliti kepada bank.

79. Alat kewangan yang ada pada Bank Negara untuk mengawal kuantiti wang dalam edaran ialah:
- cukai.
 - nisbah rizab wajib.
 - perbelanjaan kerajaan.
 - operasi pasaran terbuka.
 - nisbah deposit.
80. Komponen terbesar dalam takrifan wang $M1$ terdiri daripada:
- deposit simpanan.
 - deposit semasa.
 - mata wang.
 - $M2$.
 - wang fiat.
81. Asas kepada teori kuantiti wang ialah:
- model permintaan dan penawaran agregat.
 - fungsi wang sebagai perantara pertukaran.
 - persamaan pertukaran.
 - fungsi bank pusat sebagai pembekal wang.
 - fungsi bank perdagangan sebagai pengeluar cek.
82. Mengikut _____ pertambahan bekalan wang akan menyebabkan tingkat harga dengan kadar yang sama banyak:
- model penentuan harga Keynes
 - teori kuantiti wang
 - persamaan pertukaran
 - prinsip $MV = PY$
 - prinsip halaju edaran wang
83. Halaju edaran wang ialah:
- kadar pusingan bekalan wang dalam sesuatu tempoh masa.
 - kadar perubahan deflator $KDNK$.
 - kadar pusingan $KDNK$ dalam sesuatu tempoh masa.
 - jumlah wang dalam edaran darab dengan jumlah urus niaga.
 - kadar kenaikan tingkat harga dalam sesuatu tempoh masa.
84. Objektif dasar kewangan yang mengembang mungkin lebih sukar dicapai jika:
- kadar bunga sudah terlalu rendah.
 - kadar bunga sudah terlalu tinggi.
 - perbelanjaan pelaburan sangat responsif kepada turun naik kadar bunga.
 - keluk permintaan wang sangat curam.
 - keluk permintaan wang tidak boleh berganjak.

85. Yang manakah antara berikut BUKAN dasar kewangan yang mengembang?
- A. Pembelian pasaran terbuka oleh Bank Negara Malaysia.
 - B. Pengurangan keperluan nisbah rizab.
 - C. Kenaikan kadar bunga yang dikenakan ke atas pinjaman oleh Bank Negara terhadap bank perdagangan.
 - D. Pengurangan kadar diskau.
 - E. Tiada satupun langkah di atas yang betul.
86. Yang manakah antara yang berikut merupakan contoh penstabil automatik? Apabila *KDNK* benar merosot:
- A. bayaran pindahan akan berkurangan.
 - B. cukai pendapatan berkurangan.
 - C. perbelanjaan import meningkat.
 - D. perbelanjaan pelaburan kekal.
 - E. eksport berkurangan.
87. Makan tabungan berlaku apabila isi rumah:
- A. berbelanja kurang daripada pendapatan boleh guna yang mereka terima.
 - B. berbelanja lebih daripada tabungan mereka.
 - C. menabung lebih banyak daripada perbelanjaan mereka.
 - D. tidak menabung langsung.
 - E. berbelanja melebihi daripada pendapatan boleh guna yang mereka terima.
88. Apabila pendapatan boleh guna meningkat, kecenderungan mengguna purata:
- A. berkurangan.
 - B. meningkat.
 - C. kekal.
 - D. berkurangan sehingga tahap minimumnya kemudian meningkat.
 - E. menjadi negatif.
89. Yang manakah antara pernyataan berikut benar?
- A. $APC - MPC = 0$.
 - B. $APC - MPC = 1$.
 - C. $APC - MPC = 1 - MPS$.
 - D. $APC - MPC = MPS - APS$.
 - E. $APS + MPS = APC + MPC$.
90. Kecenderungan mengguna sut samalah dengan:
- A. APC .
 - B. MPS .
 - C. $1/MPS$.
 - D. $1 - MPS$.
 - E. $1 - APS$.

Soalan 91 hingga 92 merujuk kepada Jadual 2. Jadual tersebut menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran dua buah negara Kerakatua dan Kerajimuda. Kedua-dua negara mempunyai sempadan pengeluaran yang mempunyai cerun yang malar, dengan beras pada paksi menegaknya serta kain pada paksi mendatarnya.

Jadual 2

Negara	Output	
	Unit Beras	Unit Kain
Kerakatua	1,000 atau	5,000
Kerajimuda	200 atau	2,000

91. Kos melepas bagi mengeluarkan setiap unit beras di Kerakatua ialah:

- A. 0.05 unit kain
- B. 0.5 unit kain
- C. 5 unit kain
- D. 25 unit kain
- E. 50 unit kain.

92. Kebaikan bandingan dalam pengeluaran beras terletak pada:

- A. Kerakatua
- B. Kerajimuda
- C. kedua-dua negara
- D. bukan kedua-dua negara
- E. negara lain

93. Sebuah negara itu mempunyai kebaikan bandingan dalam pengeluaran sesuatu barang jika ia boleh mengeluarkan barang berkenaan:

- A. dengan menggunakan kurang buruh.
- B. dengan kos implisit yang lebih rendah.
- C. dengan kos melepas yang lebih rendah.
- D. dengan kos purata yang lebih rendah.
- E. dengan kos marginal yang lebih rendah.

94. Tarif ialah:

- A. cukai terhadap barang atau perkhidmatan yang dieksport.
- B. cukai terhadap barang atau perkhidmatan yang diimport.
- C. cukai dikenakan kepada penjual barang dan perkhidmatan.
- D. cukai dikenakan kepada pembeli barang dan perkhidmatan.
- E. cukai yang dipungut oleh kerajaan.

95. Yang manakah di antara berikut merupakan sekatan bukan tarif?
- A. Tindakan bukan tarif yang membatasi pengimportan barang dan perkhidmatan.
 - B. Tindakan bukan tarif yang menghadkan pengeluaran barang dan perkhidmatan.
 - C. Wang tertentu yang dibayar kerana peluang yang diberikan untuk membeli sesuatu barang yang dimport.
 - D. Bayaran lesen yang dikenakan kerana mengimport barang dan perkhidmatan.
 - E. Bayaran lesen untuk mengeksport barang dan perkhidmatan.
96. Akaun imbangan pembayaran sesebuah negara merekodkan:
- A. aliran barang di kalangan negara-negara yang berdagang.
 - B. aliran sumber manusia dan bukan manusia di kalangan negara-negara.
 - C. urus niaga rasmi yang berlaku antara kerajaan dan kerajaan lain.
 - D. aliran wang yang masuk dan keluar di negara berkenaan.
 - E. perdagangan, pinjaman dan pemberian pinjaman antarabangsa.
97. Jika import barang sesebuah negara melebihi eksport barangannya, maka:
- A. lebihan akan berlaku dalam akaun semasa negara tersebut.
 - B. defisit akan berlaku dalam akaun semasa negara tersebut.
 - C. defisit akan berlaku dalam akaun modal negara tersebut.
 - D. lebihan akan berlaku dalam akaun modal negara tersebut.
 - E. harga import lebih mahal daripada harga eksport.
98. Andaikanlah kadar pertukaran Ringgit dengan Bhat ialah RM1 untuk 20 Bhat. Jika sehelai baju dijual dengan harga 200 Bhat, maka harganya dalam RM ialah:
- A. RM1.00.
 - B. RM5.00.
 - C. RM10.00.
 - D. RM20.00.
 - E. RM200.00.
99. Jika nilai Ringgit Malaysia dalam nilai yen meningkat:
- A. kuantiti RM yang diminta akan bertambah.
 - B. kuantiti RM yang diminta akan berkurangan.
 - C. permintaan untuk RM akan bertambah.
 - D. permintaan untuk RM akan berkurangan.
 - E. semua alasan di atas tidak benar.

100. Susut nilai mata wang akan berlaku apabila:

- A. nilai semua mata wang merosot berbanding dengan harga emas.
- B. lebihan imbalan pembayaran berlaku pada negara berkenaan.
- C. imbalan pembayaran negara berkenaan berada dalam keadaan defisit.
- D. negara berkenaan mengamalkan dasar kewangan yang mengembang.
- E. nilai mata wang sesebuah negara merosot berbanding dengan mata wang negara lain.

ooo OOO ooo